

12/04/2001

Musa tetap enggan campur tangan isu penstrukturan Jabatan Persuratan Melayu

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, mengulangi pendiriannya tidak campur tangan berhubung isu kedudukan Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam penstrukturan semula Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK) universiti itu.

Katanya, beliau tetap menyerahkan kepada pentadbiran UKM dan pensyarah jabatan terbabit untuk menyelesaikan isu itu.

Beliau juga yakin mereka akan dapat mencapai jalan penyelesaian.

"Isu ini tidak akan berlarutan. Mesti ada keputusan. Cuma ke mana keputusan itu memihak, itu perkara lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, hari ini.

Isu kedudukan JPM dalam penstrukturan semula FSKK timbul apabila pensyarah jabatan berkenaan membantah keputusan mesyuarat ke-293 Senat UKM menjadikan jabatan itu sebagai Program Pengajian Melayu yang diletakkan di bawah Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Sastera.

Bantahan pensyarah itu turut mendapat reaksi pelbagai pihak di luar universiti kerana menyifatkan keputusan berkenaan merendahkan kedudukan Pengajian Melayu.

Mesyuarat Senat UKM ke-239 memutuskan penstrukturan semula FSKK yang menggabungkannya dengan Fakulti Sains Pembangunan dan Fakulti Pengajian Bahasa menjadi satu fakulti, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK).

Dalam penstrukturan itu, Senat UKM memutuskan penubuhan lima pusat pengajian, termasuk Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Sastera, di bawah FSSK.

Musa berkata, UKM tidak perlu mendapat kebenaran atau memaklumkan Kementerian Pendidikan mengenai penstrukturan semula yang dilakukannya kerana ia dalam bidang kuasa Senat.

"Kementerian tidak campur tangan dalam hal seperti pengolahan dan cara menyampaikan pendidikan di universiti, melainkan universiti hendak menubuhkan kursus pengajian baru yang membabitkan kewangan, maka ia perlu mendapatkan keputusan kementerian.

"Soal seperti perkara yang hendak diajar, cara pengajaran, cara penstrukturan (universiti) dan jumlah jabatan, terpulang kepada Senat," katanya.

Menurutnya, isu itu juga tidak boleh disamakan dengan isu Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) yang membabitkan Kabinet dan Kementerian Pendidikan.

Katanya, kedudukan Pusat Asasi Sains ada kaitan dengan keputusan Kabinet memindahkan program Matrikulasi dan Asasi ke Kementerian Pendidikan sedangkan kes di UKM tidak membabitkan keputusan Kabinet.

"Mereka (pensyarah UM) meminta kepada kerajaan kerana ia membabitkan keputusan Kabinet. Sebab itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terpaksa terbabit sama. Jika tidak, Kabinet tidak akan bersidang.

"Kes UKM tidak membabitkan keputusan Kabinet langsung, sebaliknya keputusan dalam universiti," katanya.

Musa berkata, tidak salah bagi pihak luar UKM mengemukakan pandangan untuk meminta universiti itu menimbang semula keputusan berkenaan kerana biasanya universiti peka dengan pandangan luar sekalipun mempunyai pandangannya sendiri.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas kenyataan Naib Canselor UKM, Prof

Datuk Dr Anuwar Ali, bahawa kajian universiti itu mendapati kursus di JPM kurang berdaya saing dengan perkembangan semasa serta tidak mendapat sambutan pelajar.

(END)